

# PROGRAM LATIHAN ANGGOTA SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

## DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN

*Kod Skim Latihan (2613)*

Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) adalah satu kerjaya di mana sains dan amalan penyelidikan makmal digunakan untuk membantu dalam diagnosis, penentuan punca penyakit, cara kawalan dan juga penyembuhannya.

Kerjaya sebagai Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) adalah menarik, mencabar dan sesuai bagi mereka yang mempunyai minat dalam teknologi sains gunaan.

### DESKRIPSI TUGAS

Juruteknologi Makmal Perubatan memberi khidmat bantuan penting bagi penjagaan pesakit di hospital. Tugas hakikinya adalah melakukan analisis-analisis makmal serta menghasilkan keputusan-keputusan yang tepat yang boleh membantu Pegawai Perubatan membuat diagnosis terhadap sesuatu penyakit.

### KURIKULUM LATIHAN TEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN

**Tempoh Latihan : 3 tahun (6 semester) meliputi subjek seperti berikut :-**

- Ilmu Kimia
- Biologi Manusia
- Immunologi
- Biokimia Asas
- Statistik Asas & Matematik
- Patologi Kimia
- Mikrobiologi Perubatan
- Parasitologi Perubatan
- Hematologi
- Imunoematologi
- Patologi Anatomi
- Sitologi



## A. SYARAT-SYARAT ASAS PERMOHONAN

Pemohon hendaklah terdiri daripada

- Warganegara Malaysia
- Lelaki / Perempuan (belum berkahwin)
- Umur antara 17-25 tahun pada tarikh permohonan
- Kelayakan :
  - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
  - Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## B. KEUTAMAAN PEMILIHAN

**Kursus Diploma Juruteknologi Makmal Perubatan - Kod Skim Latihan (2613).**

- Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang lulus Matematik & Kepujian Sains atau lulus 2 mata pelajaran Sains.
- Mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik serta tidak mengalami kecacatan yang boleh menyebabkan calon-calon tidak sesuai menjalankan tugas selepas tamat latihan.

